



# جابتن كواغن دان قربنداهاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Ruj. Kami : PNM(KPS)125 JLD.3 (35)

Tarikh : 25 September 2024

21 Rabiulawal 1446H

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YAA Datuk/ SS Datuk Wira/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

### SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 2 TAHUN 2024 - PENAMBAHBAIKAN LAPORAN BUKU PANJAR WANG RUNCIT DI MODUL PENGURUSAN TUNAI (CM)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam usaha **penambahbaikan Laporan Buku Panjar Wang Runcit (PWR)** di Modul Pengurusan Tunai (CM) di sistem iSPEKS. Tujuan utama penambahbaikan ini adalah bagi mengatasi **isu ketidaktepatan amaun** baki dibawa ke hadapan dalam Laporan Buku Panjar Wang Runcit.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YAA Datuk/ SS Datuk Wira/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk **mengambil tindakan seperti berikut:**

Bil.	Tindakan	Tarikh
1.	Menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit dan menyemak baki panjar ( <i>cut-off</i> ).	25.09.2024 (Rabu)
2.	Mengemukakan maklumat baki panjar bagi setiap kad kecil dengan melengkapkan format seperti di <b>Lampiran 6</b> dan kemukakan kepada BN.	26.09.2024 (Khamis)
3.	Menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit (Baru), semak baki awal panjar dan seterusnya membuat pengesahan baki kepada BN.  Nota: Amaun baki awal panjar pada laporan sepatutnya sama seperti baki akhir pada tarikh <i>cut-off</i> .	30.09.2024 (Isnin) – 01.10.2024 (Selasa)

4. Bersama-sama ini disertakan Surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bil. 2 Tahun 2024 - Penambahbaikan Laporan Buku Panjar Wang Runcit di Modul Pengurusan Tunai (CM) untuk rujukan terperinci berkenaan tindakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang perlu dipatuhi. Surat Arahan Operasi ini boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang <https://jkpnm.melaka.gov.my>.

5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada **Puan Norashikin binti Mohd Nor di talian 03-2307801**. Kerjasama dan perhatian pihak YAA Datuk/ SS Datuk Wira/ YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”**  
**“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”**  
**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(SUZAIMAN BIN ELIAS C.A(M))  
Bendahari Negeri  
**MELAKA**

s.k : YB Datuk Wira Pegawai Kewangan Negeri




**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL. 2 TAHUN 2024 -  
PENAMBAHBAIKAN LAPORAN BUKU PANJAR WANG RUNCIT  
DI MODUL PENGURUSAN TUNAI (CM)**

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Surat Arahan Operasi ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih terperinci mengenai penambahbaikan terhadap Laporan Buku Panjar Wang Runcit yang dijana melalui modul Pengurusan Tunai (CM) dan persediaan yang perlu dilaksanakan bagi deployment penambahbaikan *Change Request (CR)* yang berkaitan.
- 1.2 Penambahbaikan laporan ini dilaksanakan adalah susulan daripada log-log dilaporkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menjurus kepada isu ketidaktepatan amaun baki dibawa ke hadapan yang dipaparkan pada setiap muka surat dalam Laporan Buku Panjar Wang Runcit. Contoh isu adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 1.3 Ketidaktepatan amaun baki tersebut turut menjejaskan proses penutupan akhir tahun panjar di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merupakan salah satu kriteria dalam senarai semak penutupan tahun kewangan sistem iSPEKS.
- 1.4 Pada masa ini, pembetulan terhadap amaun baki dibawa ke hadapan di dalam Laporan Buku Panjar Wang Runcit dilaksanakan oleh vendor berdasarkan laporan log. Walau bagaimanapun, isu ketidaktepatan amaun baki pada laporan tersebut dilihat berkemungkinan berlaku semula dari semasa ke semasa.
- 1.5 Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah tersebut dengan lebih komprehensif Laporan Buku Panjar Wang Runcit telah ditambahbaik dengan menggunakan format laporan yang baru.
- 1.6 Ini seterusnya dapat memastikan agar amaun baki dibawa ke hadapan di dalam Laporan Buku Panjar Wang Runcit adalah tepat selaras dengan baki panjar di tangan serta amaun apungan panjar yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

## 2.0 PENAMBAHBAIKAN TERHADAP LAPORAN BUKU PANJAR WANG RUNCIT


2.1 Laporan Buku Panjar Wang Runcit merupakan laporan di bawah sub proses Panjar yang dijana melalui modul Pengurusan Tunai (CM) seperti skrin di **Rajah 1**.



**Rajah 1**

2.2 Dalam skrin ini, terdapat *dropdown* diwujudkan iaitu pilihan Format Laporan untuk menjana Laporan Buku Panjar bagi tahun kewangan 2024 dan tahun sebelum seperti contoh di **Rajah 2**. Pilihan format laporan yang disediakan adalah:

- i. Laporan Buku Tunai Panjar Wang Runcit (Lama)
- ii. Laporan Buku Tunai Panjar Wang Runcit (Baru)



**Rajah 2**

2.3 Contoh format baru Laporan Buku Tunai Panjar Wang Runcit (Baru) yang dibangunkan adalah seperti di **Lampiran 2** manakala cara pengiraan baki panjar dalam laporan adalah seperti di **Lampiran 3**.



### 3.0 JADUAL PELAKSANAAN

3.1 Jadual pelaksanaan terperinci adalah seperti di **Lampiran 4**.

### 4.0 SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

4.1 Soalan-soalan lazim (FAQ) berkaitan Surat Arahan Operasi ini adalah seperti di **Lampiran 5**.

### 5.0 PENUTUP

5.1 Surat Arahan Operasi ini hendaklah menjadi panduan kepada PTJ untuk melaksanakan tindakan-tindakan mengikut tarikh yang ditetapkan.

5.2 Surat Arahan Operasi ini boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang <https://jkpnm.melaka.gov.my>.

5.3 Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan Surat Arahan Operasi ini, sila hubungi pegawai berikut:

<b>Nama</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>E-mel</b>
Mohd Azman Shah bin Mohd Pechih	03-230 7388	azmanshah@melaka.gov.my
Nur Farhana binti Kamaludin	03-230 7779	farhana@melaka.gov.my
Norashikin binti Mohd Nor	03-230 7801	nor.ashikin@melaka.gov.my

## LAMPIRAN 1

Contoh isu yang berlaku pada Laporan Buku Panjar Wang Runcit:

TARIKH : 09/11/2022		KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS				MUKA SURAT : 5/9		
MASA : 11:24:29 AM		BUKU TUNAI PANJAR WANG RUNCIT (PWR) SEPERTI PADA 09/11/2022						
TAHUN : 2022 JABATAN : 015000 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PTJ : 01500104 MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH REMBAU NO. KAD KECIL : 1 PANJAR WANG RUNCIT MAHKAMAH RENDAH SYARIAH REMBAU								
TERIMAAN				BAYARAN				
Tarikh	Butir Butir Cek	No. Dokumen	Amaun (RM)	Tarikh	Butir Butir Baucar Kecil	No. Baucar Kecil	Amaun (RM)	Baki (RM)
18/05/2022	BAKI DIBAWA KE HADAPAN		121.40	01/08/2022	BELIAN TISU PEJABAT	22EXBK0600018	30.50	
18/05/2022	TERIMAAN	22EXBB0600002	378.60	02/08/2022	BAYARAN MAKAN DAN MINUM UTK PROGRAM PELUPUSAN REKOD URUSAN AM DI MRS REMBAU PADA 2.8.2022	22EXBK0600015	91.00	
				02/08/2022	BAYARAN MAKAN DAN MINUM UTK BENGKEL PEMBACAAN DAN PEMAHAMAN KITAB TURATH DI MRS REMBAU PD 21.07.2022	22EXBK0600016	66.00	
				02/08/2022	BELIAN KELENGKAPAN PEJABAT-SABUN, AUTOMATIC SPRAY REFILL	22EXBK0600017	78.55	
<b>JUMLAH</b>			500.00	<b>JUMLAH</b>			266.05	233.95

TARIKH : 09/11/2022		KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS				MUKA SURAT : 6/9		
MASA : 11:24:29 AM		BUKU TUNAI PANJAR WANG RUNCIT (PWR) SEPERTI PADA 09/11/2022						
TAHUN : 2022 JABATAN : 015000 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PTJ : 01500104 MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH REMBAU NO. KAD KECIL : 1 PANJAR WANG RUNCIT MAHKAMAH RENDAH SYARIAH REMBAU								
TERIMAAN				BAYARAN				
Tarikh	Butir Butir Cek	No. Dokumen	Amaun (RM)	Tarikh	Butir Butir Baucar Kecil	No. Baucar Kecil	Amaun (RM)	Baki (RM)
03/08/2022	BAKI DIBAWA KE HADAPAN		279.95					
16/08/2022	REKUPMEN BELUM DITERIMA	22EXBB0600003	200.05					
<b>JUMLAH</b>			546.00	<b>JUMLAH</b>			0.00	279.95



Cara pengiraan baki panjar dalam laporan:

TARIKH : 31/07/2024		KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS				MUKA SURAT : 2/2		
MASA : 05:01:06 PM		BUKU PANJAR WANG RUNCIT (PWR) SEPERTI PADA 31/07/2024						
TAHUN : 2024 JABATAN : 013000 JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN PTJ : 01300102 PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SEREMBAN NO. KAD KECIL : 1 PWR PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SEREMBAN								
TERIMAAN				BAYARAN				
Tarikh	Butir Butir Cek	No. Dokumen	Amaun	Tarikh	Butir Butir Baucar Kecil	No. Baucar Kecil	Amaun	Baki
31/07/2024	TERIMAAN REKUPMEN	24DXBB0600005	786.50	31/07/2024	B013	24DXBK060100033	5.00	
				31/07/2024	TEST BK 20	24DXBK060100031	25.00	
				31/07/2024	B012	24DXBK060100032	2.00	
				31/07/2024	BAKI DI TANGAN			1,100.00
Jumlah			<b>A</b> 2,496.50	Jumlah			<b>B</b> 1,398.50	<b>C</b> 1,100.00

<b>A</b>	Jumlah dalam <i>column</i> Terimaan	XXXXXX.XX
<b>B</b>	(Tolak) : Jumlah dalam <i>column</i> Bayaran	XXXXXX.XX
<b>C</b>	Baki	XXXXXX.XX



## LAMPIRAN 4




### Jadual pelaksanaan terperinci :

Tugasan	Tarikh	Tindakan Oleh
<p>I. Menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit dan menyemak baki panjar (<i>cut-off</i>).</p>	<p>25.09.2024 (Rabu)</p>	<p>PTJ</p>
<p>II. Mengemukakan maklumat baki panjar bagi setiap kad kecil dengan melengkapkan format seperti di <b>Lampiran 6</b> dan kemukakan kepada BN.</p>	<p>26.09.2024 (Khamis)</p>	
<p>III. Menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit (Baru), semak baki awal panjar dan seterusnya membuat pengesahan baki kepada BN.</p> <p>Nota: Amaun baki awal panjar pada laporan sepatutnya sama seperti baki akhir pada tarikh <i>cut-off</i>.</p>	<p>30.09.2024 (Isnin) sehingga 01.10.2024 (Selasa)</p>	

## LAMPIRAN 5

### Soalan-Soalan Lazim (FAQ):

Bil	Soalan	Jawapan
1	Selepas <i>deployment</i> ini, adakah isu ketidaktepatan baki dalam format lama Laporan Buku Panjar Wang Runcit masih berlaku bagi tahun kewangan 2024?	<p>Ya. Memandangkan <i>deployment</i> yang dilaksanakan adalah melibatkan pembangunan laporan format baru maka isu ketidaktepatan baki pada format lama dijangka masih berlaku.</p> <p>Justeru itu, semua PTJ diingatkan untuk menyemak Laporan Buku Panjar Wang Runcit (format lama) dan sekiranya berlaku ketidaktepatan baki dalam laporan, PTJ hendaklah segera log supaya vendor dapat membuat pembetulan pada laporan. Ini juga bagi memastikan agar PTJ dapat melaksanakan proses penutupan panjar pada akhir tahun tanpa ralat.</p>
2	Adakah format baru akan memaparkan tarikh transaksi dari 01.01.2024 sehingga 31.12.2024?	Tidak. Fomat baru hanya akan memaparkan transaksi bermula dari baki awal pada tarikh <i>cut-off</i> sehingga 31.12.2024.
3	Bagi tujuan pengauditan tahun kewangan 2024, format Laporan Buku Panjar Wang Runcit yang manakah perlu dijana, diselenggara dan disahkan?	Format lama kerana laporan tersebut memaparkan transaksi lengkap secara keseluruhan bermula dari 01.01.2024 sehingga 31.12.2024.
4	Sekiranya laporan format lama dan format baru dijana pada 31.12.2024, adakah butiran Baki Tunai Di Tangan pada muka surat terakhir Laporan Buku Panjar Wang Runcit memaparkan amaun yang sama?	Ya, kedua-dua format laporan ini akan memaparkan amaun yang sama pada butiran Baki Tunai Di Tangan selaras dengan jumlah apungan panjar yang telah diluluskan.
5	Sekiranya kita berada pada tahun kewangan 2025 dan ingin	Bagi menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit bagi tahun kewangan 2025 dan ke atas, laporan format baru

	<p>menjana laporan buku tunai panjar wang runcit tahun 2025, apakah pilihan laporan yang ada pada senarai carian (<i>dropdown</i>)?</p>	<p>akan dijana secara automatik. Skrin tidak akan memaparkan pilihan format laporan.</p> 
<p>6</p>	<p>Sekiranya kita berada pada tahun 2025 dan ingin menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit tahun kewangan 2024, apakah pilihan laporan yang ada pada senarai carian (<i>dropdown</i>)?</p>	<p>Pilihan format laporan lama dan format baru.</p> 
<p>7</p>	<p>Sekiranya kita berada pada tahun 2025 dan ingin menjana Laporan Buku Panjar Wang Runcit tahun 2023 dan tahun sebelum, apakah pilihan laporan yang ada pada senarai carian (<i>dropdown</i>)?</p>	<p>Pilihan format lama dan format baru. Namun demikian, pengguna hendaklah memilih format lama untuk menjana laporan untuk melihat keseluruhan bermula dari 01.01.2024 sehingga 31.12.2024. Sekiranya memilih laporan format baru, laporan yang dijana tidak akan memaparkan sebarang transaksi (laporan kosong) memandangkan <i>deployment</i> dilaksanakan pada tahun 2024.</p> 

MAKLUMAT BAKI AKHIR PANJAR

BIL	NEGERI	NAMA PTJ	KOD JABATAN	KOD PTJ	JENIS PANJAR (Panjar Wang Runcit atau Panjar Khas)	NO. KAD KECIL	BAKIJUNAI PANJAR PADA TARIKH CUT- OFF 20.09.2024 (RM)
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							
11							
12							
13							
14							
15							
16							
17							
18							
19							
20							

Sila tambah row jika tidak mencukupi